



---

## **Bilik Gerakan Cawangan Pulai hanya dibuka pada 13 Mac 2004?**



Undilah calon Barisan Nasional

Penulis dimaklumkan - Bilik Gerakan UMNO Cawangan Pulai hanya akan dibuka pada 13 Mac 2004 selepas penamaan calon. Apakah muslihat yang tersirat dalam gerak-kerja ini? Apakah hanya pemilihan mengekalkan anak Tokmat sebagai wakil calon? Bagaimana pula sekiranya anak Tokmat tidak terpilih?

Ini ternyata dikebanyakan Bilik Gerakan Cawangan di Pulai masih lagi beku dan tidur. Ini diakui sendiri oleh sebilangan ahli-ahli cawangan yang telah menerima arahan dari Umno Bahagian Pulai bahawa gerak-kerja hanya dimulakan selepas penamaan calon. Strategi yang dijalankan ini bukan untuk gerak-kerja parti tetapi lebih kepada kepentingan peribadi.

Bilalah Pulai nak bertaubat dan berpijak ke alam nyata. Bagi penulis dinasti Tokmat sudah tidak ujud dan merupakan kepimpinan jumud. Bekerjalah bersama saya jangan bekerja kerana saya. Kenyataan PM mungkin ada kebenarannya.

Orang lain dan bersiap sedia untuk berjuang - Pulai masih lagi tertunggu-tunggu siapa bakal calon. Berkhidmat untuk parti dan Bersatu Bersedia Berkhidmat dan jangan bekerja untuk Tokmat.

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.